

Bil. 4

Khamis

16 Julai 2020



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Kanak-kanak Palauh Minta Sedekah
di Bandar-bandar Utama di Sabah**
- *YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)* (Halaman 1)

- **Peruntukan Untuk Pembangunan Tentera
di Bukit Bendera**
- *YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)* (Halaman 4)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- **Rancangan Pengilahkan Oleh Israel Ke Atas
Tebing Barat Dan Lembah Jordan**
- *YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)* (Halaman 7)

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 16 Julai 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M.17)**

**Kanak-kanak Palauh Minta Sedekah
di Bandar-bandar Utama di Sabah**

2.34 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Kamar Khas ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu kanak-kanak Palauh di Malaysia. Adalah diketahui umum bahawa kanak-kanak mempunyai hak mereka termasuk hak untuk membesar dalam keadaan yang selamat, bersih dan aman, mendapatkan pendidikan, tidak didedahkan kepada keganasan, tidak diperlukan untuk bekerja, dikahwinkan bawah umur dan lain-lain. Namun demikian kebanyakan kanak-kanak Palauh ini tidak dapat menikmati hak ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kanak-kanak terabai ini adalah paling kritikal di kawasan Sabah. Sebelum ini, masalah ini hanya berlaku di kawasan Pantai Timur Sabah, kawasan-kawasan seperti Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau. Namun demikian, tahun ini saya juga mendapati masalah ini berlaku di Kota Kinabalu.

Apa yang berlaku di Kota Kinabalu adalah terdapat anak-anak Palauh yang bukan warganegara yang berbahaya dan mengemis di jalan-jalan di pusat bandar Kota Kinabalu. Pengemis ini telah dilihat mengetuk tingkap kereta apabila lampu isyarat menjadi merah dan meminta wang dalam cawan plastik kecil. Bukan sahaja kanak-kanak pengemis ini adalah gangguan, mereka juga meletakkan diri mereka dan pengguna jalan raya berisiko kemalangan jalan raya.

Sebelum ini, saya telah pun menyampaikan banyak aduan tentang kehadiran pengemis asing ini yang kebanyakannya kanak-kanak meminta wang di sekitar pusat bandar Kota Kinabalu kepada pihak berkuasa dan di sini saya ingin memuji tindakan segera yang diambil terutamanya oleh Dewan Bandar raya Kota Kinabalu (DBKK).

Saya gembira kerana dalam tempoh 24 jam, DBKK dan Jabatan Imigresen telah menjalankan penguatkuasaan dengan segera dan menangkap pengemis ini untuk siasatan lanjut. Saya telah dimaklumkan bahawa para pengemis ini bukan sahaja daripada kalangan pendatang asing tanpa izin tetapi kebanyakan mereka adalah orang-orang tanpa warganegara yang tinggal atas perahu dari Pantai Timur Sabah terutama di sekitar kawasan Lahad Datu dan Semporna. Mereka sebelum ini berpindah ke kawasan Bandar Tawau dan sekarang mereka telah pun sampai ke Kota Kinabalu.

Saya mengesyaki bahawa terdapat sindiket terancang yang terlibat dalam membawa kanak-kanak ini dan pengemis ke kawasan Kota Kinabalu. Kanak-kanak dapat dilihat meminta duit, lepas itu wang yang dikumpulkan kanak-kanak ini akan diserahkan kepada orang lain. Jelas mereka sedang dieksploitasi dan terdapat beberapa sindiket di belakang kehadiran mereka di bandar Kota Kinabalu. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya apakah cadangan penyelesaian masalah ini untuk jangka masa panjang. Apakah tindakan yang diambil untuk mengenal pasti anggota-anggota sindiket ini dan bagaimanakah hak kanak-kanak ini tidak dicabuli. Itu sahaja ucapan saya, terima kasih.

2.36 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Berdasarkan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu ini, saya percaya beliau merujuk kepada kanak-kanak daripada masyarakat Pala'u atau Palauh.

Status kedudukan masyarakat Palauh menjadi isu yang sangat rumit untuk diselesaikan di negeri Sabah. Masyarakat ini telah hidup secara nomad atau tidak tetap di antara perairan Sabah, Indonesia dan Filipina sejak berabad lamanya. Oleh yang demikian, mereka tidak mempunyai kerakyatan mana-mana negara. Sebahagian daripada mereka juga telah menetap di perairan Sabah.

Namun demikian, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, masyarakat Palauh yang banyak bergerak secara nomad di perairan Filipina juga telah

banyak tinggal di perairan Sabah, terutamanya di Pantai Timur. Sebahagian besar mereka juga telah mulai beralih cara hidup daripada tinggal sepenuhnya di dalam bot kepada membina rumah di daratan. Mereka juga telah mula berhijrah ke kawasan Pantai Barat Sabah terutamanya di Kota Kinabalu.

Daripada segi dokumentasi, sebahagian besar mereka ini tidak berdokumen kerana tidak mempunyai kerakyatan mana-mana negara. Sebahagian mereka mempunyai sijil lahir yang bukan merupakan dokumen yang membenarkan seseorang itu berada di Malaysia secara sah ataupun mengiktiraf sebagai warganegara.

Desakan hidup dan kesukaran mencari pekerjaan disebabkan ketiadaan dokumen telah menyebabkan ada di antara golongan ini mengemis di bandar-bandar di Sabah termasuk kanak-kanak. Pada tahun 2007, Rumah Ehsan Kanak-kanak Jalanan (RPEKKJ) telah diwujudkan bagi menempatkan kanak-kanak bukan warganegara atau jalanan yang didapati merayau dan meminta sedekah tanpa kehadiran penjaga mereka. Majoriti mereka ialah bangsa Palauh.

Di RPEKKJ, mereka diberi pendidikan asas dan makan minum. Namun demikian, RPEKKJ telah dibubarkan pada hujung tahun 2019 kerana didapati kurang berkesan dalam menyelesaikan masalah kanak-kanak jalanan dan Palauh selain lokasi yang tidak sesuai iaitu di dalam Pusat Tahanan Sementara (PTS) yang menempatkan tahanan yang melakukan kesalahan imigresen.

Susulan penutupan RPEKKJ, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah bekerjasama dengan *United Nations Children's Fund* (UNICEF) bagi menubuhkan pusat aktiviti kanak-kanak. Kanak-kanak jalanan dan Palauh akan mempelajari asas membaca, mengira, menulis, melukis dan pelbagai bentuk aktiviti lain yang sesuai dengan perkembangan usia mereka. Mereka akan disediakan makanan ringan dan mereka juga tidak ditahan di pusat berkenaan, sebaliknya akan pulang ke rumah masing-masing setelah menjalani pelbagai aktiviti di pusat tersebut pada waktu siang.

■1440

Kaedah ini diharapkan mampu menarik minat lebih ramai kanak-kanak Palauh dan menghindar mereka daripada terlibat dengan aktiviti tidak sihat terutamanya merayau tanpa tujuan. Pusat ini dijangka beroperasi mulai April 2020 namun terpaksa ditangguhkan ke waktu yang sesuai berikutan wabak COVID-19 yang melanda negara.

Kerajaan Negeri Sabah juga memberi perhatian terhadap masalah masyarakat Palauh ini memandangkan isu ini berlaku di dalam negeri Sabah. Kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Masyarakat

Palauh yang menggabungkan beberapa agensi daripada Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri bagi mencadangkan langkah-langkah terbaik bagi menangani masalah golongan ini, termasuk pendidikan, pekerjaan dan tempat tinggal.

Kelebihan golongan ini terutamanya berkaitan kehidupan di maritim akan digunakan sebaiknya bagi kebaikan semua pihak, terutamanya rakyat Sabah dan juga bagi masyarakat itu sendiri. Namun demikian, jawatankuasa ini telah tertangguh pada masa sekarang kerana memberi tumpuan dalam menangani wabak COVID-19 dan juga bencana banjir yang berlaku di negeri Sabah baru-baru ini. Keadaan yang dialami oleh masyarakat Palauh juga mendapat perhatian NGO tempatan dan luar negara.

Kerajaan tidak menghalang sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh NGO untuk membantu golongan ini terutamanya memberi pendidikan asas kepada kanak-kanak selagi mereka mematuhi garis panduan dan perundangan semasa yang berkuat kuasa. Susulan redanya wabak COVID-19, Kerajaan Persekutuan bersama kerajaan negeri akan kembali memberikan perhatian yang lebih terhadap isu ini dan mencari kaedah terbaik untuk mengurangkan masalah yang timbul akibat keadaan yang dialami oleh masyarakat Palauh ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan Untuk Pembangunan Tentera di Bukit Bendera

2.42 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kesempatan petang ini, izinkan saya membangkitkan isu yang berkaitan dengan peruntukan untuk pembangunan tentera di bawah Parlimen Bukit Bendera. Terdapat tiga buah markas tentera di Parlimen Bukit Bendera:

- (i) Rejimen 509 Askar Wataniah;
- (ii) Markas Staf Stesen Batu Feringghi; dan
- (iii) Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) TUDM

Setiap markas tentera memerlukan peruntukan pembangunan daripada kerajaan, sama ada untuk kerja membaik pulih kemudahan sedia ada yang telah rosak, penyelenggaraan berkala dan penambahan atau penambahbaikan kepada kemudahan yang sedia ada. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membekalkan kemudahan yang bersesuaian berlandaskan kemampuan kewangan semasa kerajaan supaya anggota

tentera dapat berkhidmat dengan baik untuk menjaga keamanan dan kedaulatan negara.

Saya ingin memohon maklumat dan maklum balas berikut daripada Kementerian Pertahanan untuk perkara-perkara di bawah:

- (i) memohon menyenaraikan jumlah peruntukan pembangunan yang diperoleh oleh setiap satu markas di Parlimen Bukit Bendera pada tahun 2018 dan tahun 2019;
- (ii) senaraikan perancangan peruntukan pembangunan oleh markas-markas tersebut pada tahun 2020; dan
- (iii) senaraikan kuarters tentera di Pulau Pinang dan apakah usaha berterusan penambahbaikan fasiliti tentera amnya dan di Parlimen Bukit Bendera khususnya.

Saya memohon supaya Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan Kementerian Pertahanan dapat memberikan jawapan terhadap setiap satu persoalan yang dibangkitkan di atas. Sekian, terima kasih.

2.43 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Parlimen Bukit Bendera yang membawa isu ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Rejimen 509 Askar Wataniah dan Markas Staf Stesen Pulau Pinang berada di bawah perintah Markas Divisyen Kedua Infantri. Peranan Rejimen 509 Askar Wataniah ialah menyediakan keanggotaan bagi membantu angkatan tetap apabila diperlukan serta bersedia membantu pihak berkuasa awam semasa kecemasan dan bencana alam. Manakala Markas Staf Stesen Pulau Pinang berperanan menyelaraskan keperluan pembaikan dan senggaraan prasarana kem serta menyelaraskan pentadbiran kontrak perkhidmatan selain daripada mentadbir pekerja awam dan mengkoordinasi landskap kecantikan kem.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Institut Kepimpinan dan Pengurusan TUDM (INSKEP) TUDM yang bertanggungjawab dalam menyediakan latihan ikhtisas kepada anggota dan pegawai TUDM telah berpindah ke pangkalan udara Sendayan pada awal tahun ini. Tempatnya telah diambil alih oleh Sekolah Kulinari dan Hospitaliti TUDM (SKH) TUDM. Fungsi sekolah ini adalah untuk melaksanakan latihan dan kursus kerjaya kepada anggota TUDM di dalam ketukangan chef tentera dengan kumpulan khusus terhadap peningkatan kualiti dan profesionalisme pengurusan kulinari dan hospitaliti TUDM.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat tentang peruntukan yang disalurkan pada tahun 2018, 2019 dan 2020 bagi fasiliti dan pembangunan ketiga-tiga unit ataupun markas berkenaan, suka saya jelaskan bahawa yang pertama, Rejimen 509 pada tahun 2018 telah menerima peruntukan sebanyak RM71,458 bagi senggaraan bangunan teknikal serta peruntukan kecemasan sebanyak RM20,000.

Pada tahun 2019, rejimen ini telah diperuntukkan sebanyak RM63,900, peruntukan kecemasan sebanyak RM120,000 bagi tujuan senggaraan seperti berlaku pokok tumbang yang telah merosakkan bangunan markas rejimen. Manakala pada tahun ini, rejimen ini telah diperuntukkan sebanyak RM136,400 bagi pembaikan bangunan teknikal seperti pembaikan bumbung dan pendawaian elektrik di bilik gerakan dan pejabat tadbir rejimen. Rejimen 509 AW ini tidak mempunyai pegangan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang diuruskan.

Manakala Markas Staf Stesen Pulau Pinang (MSSPP) pada tahun 2018 telah menerima peruntukan sebanyak RM30,000 bagi anggaran bangunan teknikal dan RM30,000 bagi senggaraan RKAT. Pada tahun 2018 juga, Markas Staf Stesen juga turut menerima peruntukan kecemasan sebanyak RM16,450 bagi senggaraan seperti saluran paip air yang pecah di surau Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan senggaraan tangki air yang berkarat dan bocor di tangki air utama Kem Tun Razak. Peruntukan yang diterima pada tahun 2019 pula sebanyak RM70,000 bagi senggaraan bangunan teknikal dan RM2.01 juta bagi senggaraan RKAT.

Selain daripada itu, tahun 2019 Markas Staf Stesen juga turut menerima peruntukan kecemasan sebanyak RM150,300 bagi tujuan senggaraan seperti senggaraan tangki air di Blok G4, G5 dan G8 RKAT di Kem Sungai Ara serta senggaraan kebocoran saluran paip air di Blok 101 Kem Tun Razak dan senggaraan bumbung rosak di RKAT 10A akibat pokok tumbang semasa ribut.

Manakala pada tahun ini, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM76,640 bagi kerja-kerja pembaikan bangunan teknikal serta sebanyak RM2.43 juta bagi RKAT. Mengenai Institut Kepimpinan dan Pengurusan TUDM ataupun INSKEP TUDM, telah menerima peruntukan senggaraan sebanyak RM550,000 bagi tahun 2018 dan RM750,000 bagi tahun 2019.

■1450

Bagi tahun 2020, sekolah kulineri dan hospitaliti TUDM yang mengambil alih tempat INSKEP TUDM telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM350,000 untuk kerja-kerja ubahsuai dan peningkatan

bersesuaian dengan keperluan dan fungsi sekolah berkenaan. Manakala untuk urusan senggaraan bagi tahun 2020, sekolah ini menerima peruntukan sebanyak RM350,000.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat tentang kuarters tentera, dimaklumkan bahawa terdapat 836 buah Rumah Keluarga Angkatan Tentera ataupun RKAT di bawah pegangan Markas Staf Stesen Pulau Pinang iaitu 165 buah RKAT di Bukit Gedung, 200 buah RKAT di Apartmen Sri Pahlawan dan 471 buah RKAT di Kem Sungai Ara.

Bagi RKAT di bawah pegangan sekolah kulinari dan hospitaliti TUDM pula terdapat 62 buah unit rumah yang merangkumi 33 unit RKAT milik TUDM di Tanjung Tokong. Keseluruhan RKAT Tanjung Tokong ini dikosongkan kerana mengalami kerosakan teruk dan sedang dalam proses pelupusan secara *outright sale purchase* di peringkat Kementerian Pertahanan. Manakala 29 buah unit RKAT yang *fully furnish* pula disewa di kondominium sekitar Pulau Pinang iaitu Adilah Homes, Marina Towers, Leader Garden, Tanjung Park, Twin Towers, Marvis Star dan Miami Green yang dilengkapi dengan kemudahan kondominium.

Penyediaan kemudahan RKAT ini bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan anggota dan pegawai Angkatan Tentera Malaysia sentiasa terpelihara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan itu tamatlah sesi ucapan di bawah usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan, Peraturan Mesyuarat 17 pada hari ini.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)

RANCANGAN PENGILAHAKAN OLEH ISRAEL KE ATAS TEBING BARAT DAN LEMBAH JORDAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut keputusan yang telah dibuat pada hari Khamis 16 Julai 2020, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbincangan usul ini. Pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan akan diberi 30 minit. Akan tetapi kalau hendak bercakap kurang pun bolehlah.

Ada bersama saya beberapa nama untuk dibahas. Jadi Yang Berhormat Ledang, sila kemukakan perbincangan.

2.41 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya selaku pembawa usul yang mana usul ini telah dimasukkan pada 14 Julai 2020 dan telah pun diluluskan untuk dibahaskan dalam Kamar Khas ini pada tengah hari ini juga.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mewakili Wisma Putra dan pegawai-pegawainya untuk mendengar usul yang saya akan bawakan ini untuk dibahas, dibincang dan diputuskan dalam Kamar Khas ini.

Saya juga akan beri peluang kepada rakan-rakan yang lainlah untuk juga memberikan pandangan mereka. Jadi saya harap tidak akan mengambil masa terlalu lama tetapi berilah ruang yang munasabah untuk disampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, usul yang saya bawa ini berkaitan dengan rancangan pengilhakan ataupun *annexation plan* oleh Israel ke atas Tebing Barat dan Lembah Jordan, dalam jajahan negara Palestin yang sudah tentunya melanggar undang-undang antarabangsa.

Rancangan pengilhakan ataupun perampasan Tebing Barat dan juga sebahagian Lembah Jordan tersebut merupakan sebahagian daripada rancangan imperialisme Amerika Syarikat yang kononnya disebut sebagai Pelan Damai Abad ini atau pun *Deal of The Century*. Ia bertujuan untuk menghalalkan dan mentadbir secara langsung penempatan haram Israel di sebahagian besar Jerusalem dan juga Tebing Barat termasuk Lembah Jordan.

Rancangan ini bukan hanya baru bermula dengan rancangan pengilhakan terkini tetapi telah berjalan sejak pembentukan negara haram Israel pada tahun 1948 dan juga pendudukan Jerusalem Timur Tebing Barat dan Semenanjung Gaza pada 1967. Dunia telah menyaksikan pelbagai pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap rakyat Palestin. Tahun 1947 menyaksikan pelan pembahagian ataupun *partition plan* yang dibentangkan oleh Israel di PBB diluluskan menghasilkan Resolusi 181 yang memisahkan negara Palestin kepada beberapa bahagian.

Di Tebing Barat khususnya penjajahan Israel ke atas tanah milik rakyat Palestin ini bermula pada Perang Timur Tengah 1967. Selama lebih daripada setengah abad Tuan Yang di-Pertua, rakyat Palestin telah menanggung keganasan hampir setiap hari bukan sahaja oleh rejim Israel tetapi juga oleh kumpulan ekstremis Yahudi yang merupakan penduduk-penduduk haram di kawasan Palestin ini.

Wanita dan kanak-kanak Palestin telah menjadi sasaran kekejaman dan mereka terbunuh dengan cara yang paling kejam. Tindakan-tindakan ini adalah tindakan tidak berperikemanusiaan. Terkini, Israel merancang untuk mengamalkan kedaulatan sehingga 30 peratus daripada Tebing Barat meliputi penempatan haram Israel dan tanah pertanian yang subur di Lembah Jordan bermula pada 1 Julai 2020.

Rancangan ini akan mengakibatkan 4.5 peratus penduduk Palestin di Tebing Barat berada dalam kawasan yang akan diilhakan iaitu kawasan yang terpisah-pisah yang disebut sebagai Bantustan.

Israel mendakwa bahawa rancangan pengilhakan ini adalah terabsah atas dasar hak sejarah dan agama kerana tanah itu adalah kata mereka milik leluhur Israel. Selain itu, Israel mendakwa kehadiran mereka di situ adalah penting bagi strategi pertahanan Israel.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan pengilhakan ini tidak dapat dijalankan sepenuhnya oleh pihak Israel tanpa sokongan daripada pihak sekutu Israel. Namun, perkembangan setakat ini menyaksikan bahawa beberapa badan dunia seperti PBB, Liga Arab, Kesatuan Eropah membantah rancangan tersebut.

Pengerusi Dasar Luar EU, Josep Borrell menyatakan pengilhakan akan menjejaskan hubungan Israel dan EU. Beberapa negara termasuk rakan sekutu Israel sendiri telah membantah pelan tersebut. Antara negara tersebut adalah United Kingdom, Perancis, Jerman, China malah Rusia dan lain-lain. Menteri Luar German, Heiko Maas memberi amaran kepada Kerajaan Netanyahu berkenaan dengan rancangan tersebut.

Perdana Menteri Britain Boris Johnson mengeluarkan kenyataan bahawa UK tidak akan mengiktiraf sebarang perubahan kepada sempadan yang telah ditetapkan pada 1967 melainkan turut dipersetujui oleh pihak Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya berasa amat bimbang dengan penghalalan dan juga pengamalan kedaulatan Israel ke atas pembinaan penempatan haram Israel di atas tanah rakyat Palestin. Ini kerana ia jelas sebuah pelanggaran ketara ke atas undang-undang antarabangsa dalam bentuk penjajahan penempatan dan pembersihan etnik. Boleh dikatakan dan disebutkan secara meluas sebagai satu tindakan Apartheid.

Menurut *Fourth Geneva Convention*, penghuni tidak boleh pindahkan penduduknya ke wilayah yang ia huni untuk mencegah penjajahan wilayah yang diduduki. Pengilhakan wilayah yang diperolehi melalui kekerasan tidak

dibenarkan di bawah undang-undang antarabangsa seperti yang termaktub dalam mukadimah Resolusi UNFC 242 1967.

So, "*terang lagi bersuluh*" bahawa ini adalah rencana jahat Israel dan ini akan menamatkan penyelesaian dua negara untuk kebaikan Palestin yang sudah lama diusahakan. Sudah pasti akan membawa kepada pertembungan baharu dan kehilangan nyawa serta hak yang berpanjangan.

■1500

Saya menjunjung kasih Titah Yang di-Pertuan Agong dalam hal ini dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana telah pun mengeluarkan kenyataan untuk mengecam tindakan Israel. Namun, saya juga ingin mencadangkan melalui usul ini agar kerajaan, Parlimen, NGO dan juga masyarakat melaksanakan beberapa langkah tambahan yang boleh diambil bagi menunjukkan keprihatinan Malaysia dan menyertai gerakan antarabangsa untuk menekan Israel supaya menghentikan rancangan ini.

Saya mencadangkan seperti berikut. Pertama, Malaysia melalui OIC dan PBB wajar menggesa Perhimpunan Agung PBB untuk mengusir Israel daripada perhimpunan dan semua agensi PBB memandangkan kegagalan Israel untuk memenuhi kewajipan dan aku janjinya sebagai anggota PBB sebagaimana yang dinyatakan dalam Piagam PBB.

Kedua, mewujudkan sebuah petisyen yang ditandatangani oleh seluruh Ahli Parlimen daripada kedua-dua belah pihak untuk memberi satu isyarat yang jelas bantahan terhadap rancangan ini. Petisyen ini dicadangkan agar dibawa kepada Kedutaan Amerika Syarikat kepada PBB, kepada kesatuan Ahli Parlimen Serantau seperti ASEAN.

Ketiga, mencadangkan Ahli-ahli Parlimen untuk membawa mesej kesedaran melalui usaha sama dengan NGO-NGO berkaitan di kawasan masing-masing berkenaan perkembangan di Palestin dan menyediakan panduan kepada mereka untuk menunjukkan sokongan dan solidariti kepada Palestin dalam perjuangan mereka untuk kebebasan dan keamanan.

Keempat, mencadangkan agar Ahli-ahli Parlimen memanfaatkan jaringan masing-masing, *network* masing-masing di peringkat dalam negara, antarabangsa dan serantau bagi menormalisasikan sokongan kepada Palestin dan bantahan terhadap Pelan Pengilhakan Israel.

Terakhir dan kelima, kerajaan mengiktiraf, menyokong dan membantu usaha-usaha yang dilaksanakan oleh NGO-NGO tempatan berkaitan bantahan terhadap Israel seperti usaha-usaha daripada Humanitarian CARE Malaysia (MyCARE), daripada Palestinian Cultural Organization (PICOM), daripada MyAQSA, daripada NGO-NGO lain yang terlibat.

Jadi, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua saya dengan rendah diri sebagai pembawa usul ini menyarankan supaya langkah yang dicadangkan ini dapat dilaksanakan oleh semua pihak melitinkan kepada kredibiliti Malaysia sebagai sebuah negara yang memperjuangkan hak asasi dan kemanusiaan. Saya mohon mencadang, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Ada bersama saya tiga nama. Jadi saya akan menjemput setiap Ahli Yang Berhormat dimulakan dengan Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Padang Rengas, kemudian Yang Berhormat Sik. Kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab. Jadi, setiap daripada Yang Berhormat 10 minit. Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau panjang sangat bolehlah jawapan bertulis. Bagi ruangnya. Kemungkinan ada yang hendak. Silakan Yang Berhormat.

3.03 ptg.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bangkit untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ledang ini. Seperti dimaklumkan ini, Kerajaan Malaysia mempunyai *stand* yang cukup cantik dalam urusan Palestin ini sejak dahulu lagi, zaman Tuanku Abdul Rahman sehingga pada hari ini. Kita berbangga dengan kerjasama yang diberikan oleh Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra dalam urusan Palestin ini.

Seperti dimaklumi, kerajaan Zionis Israel ini dengan sokongan Kerajaan Amerika Syarikat telah merampas sebahagian daripada wilayah Tebing Barat khususnya di Lembah Jordan dan juga kawasan penempatan haram Yahudi di Tebing Barat.

Netanyahu dalam masa tempoh tiga tahun semakin rancak. Kalau kita lihat dia telah mengisytiharkan seperti yang disebutkan tadi. Tarikh 1 Julai 2020 ini jika berjaya, ia adalah rampasan wilayah yang ketiga dalam tempoh tiga tahun selepas rampasan Israel ke atas wilayah Baitulmuqaddis Timur dan Bukit Golan di Syria yang diiktiraf oleh Amerika Syarikat masing-masing pada tahun 2017 dan tahun 2019. Ini ialah yang ketiga yang mereka sedang merancang untuk menyempurnakan pengambilalihan sepenuhnya bumi Palestin.

Pelbagai pihak antarabangsa telah menyatakan bantahan seperti yang disebutkan tadi dan lebih dahsyat sekali di Parlimen Jerman itu sendiri kalau

kita lihat mereka telah sebulat suara tanpa ada sebarang penentangan daripada Ahli Parlimen mereka menentang tindakan ini.

So, kalau kita Malaysia, Ahli-ahli Parlimen tidak bersepakat untuk membuat tindakan yang sama sangat memalukan. Ini kerana kita terkenal dengan rasa tanggungjawab kemanusiaan. Bagi orang Islam, mereka merasakan ini satu perjuangan tetapi bagi saya, saya ingin menekankan bahawa ini adalah isu kemanusiaan yang kita rakyat Malaysia perlu bangkit.

Kalau kita biarkan rasa tidak puas hati penduduk Palestin dibuli, dibuli, dibuli seolah-olah kita mengizinkan rasa marah dendam dan akhirnya akan melahirkan *terrorist*. Mereka yang akan membawa kerosakan dengan tujuan membalas dendam. So, Malaysia adalah merupakan benteng yang terbaik untuk memastikan perkara ini tidak berlaku.

Seperti yang kita sebutkan tadi, saya merasakan bahawa kita tidak perlu ragu-ragu dalam perkara ini. Ini kerana ia selari dengan apa yang PBB telah putuskan Artikel 49. Saya ringkaskan Artikel Konvensyen Geneva Keempat itu. Kuasa yang menjajah, yang sedang menakluki sekarang ini tidak boleh menghantar atau memindahkan penduduknya ke dalam wilayah yang dikuasai. Ini jelas disebutkan oleh PBB.

Kalau Malaysia buat apa-apa tindakan yang tegas sekalipun, ia bertepatan dengan resolusi-resolusi PBB itu sendiri. Kalau kita tengok Resolusi 242 dengan jelas menyatakan penolakan ke atas pengambilan wilayah melalui perang dan keperluan untuk berusaha ke arah keamanan yang adil dan berkekalan. Ini adalah merupakan sekali lagi kita tidak perlu malu, tidak perlu rasa teragak-agak kerana bertepatan dengan resolusi-resolusi yang pernah dibuat oleh PBB.

Saya juga ingin menambah cadangan yang disebutkan tadi selain daripada ke PBB. Kerajaan Malaysia juga tidak perlu rasa segan dan perlu berterusan untuk mengusulkan kepada ASEAN walaupun saya percaya ada kekangan, tidak boleh masuk campur urusan luar negara tetapi kita perlu untuk terus membawa isu ini kepada ASEAN. Sudah tentu OIC dan forum-forum lain yang Malaysia anggotai agar turut mengecam tindakan ini.

Kerajaan Malaysia juga perlu memeriksa urusan perdagangan yang sedia ada kalau tidak mengambil langkah boikot ataupun memutuskan hubungan tetapi sekurang-kurangnya memadai memaklumkan kepada rakyat Malaysia tanpa segan-segan. Syarikat-syarikat yang memang ada urusan di tanah haram Israel yang menjajah Palestin itu seperti HP, Caterpillar dan juga G4S yang begitu aktif di sana membuat kerja-kerja yang seolah-olah menyokong pengambilalihan tempat-tempat Palestin itu.

Kalau kita kata kita tidak mampu ataupun tidak mahu boikot tetapi sekurang-kurangnya Kerajaan Malaysia mengisytiharkan inilah syarikat-syarikat yang berinteraksi dengan Israel, bekerjasama menyusahkan penduduk-penduduk Palestin itu.

Jadi, saya rasa untuk memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain saya menyokong usul ini dan meminta supaya Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri untuk meneruskan sokongan padu dalam isu Palestin ini tetapi kita tingkatkan lagi dengan apa yang telah kita lakukan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Padang Rengas. Silakan.

3.08 ptg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membaca sokongan saya ini, saya hendak ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang seperti biasa dia menang tidak bertanding. Jadi dahulu semasa pilihan raya pun menang tidak bertanding dua kali. Ini pun menang tidak bertanding. Apa benda yang dia pakai saya tidak tahulah.

Ya saya juga bersama dengan rakan-rakan yang lain ingin menyatakan sokongan saya kepada usul ini. Kita tengok macam Israel ini cara dia mengambil alih kawasan ini semua dirancang. Tahun 1967 dahulu selepas peperangan dengan Arab, Arab-Israeli War, dia menduduki dahulu *occupied terrorist* kepunyaan Palestin iaitu Tebing Barat dan juga Lembah Jordan.

■1510

Dia sanggup tunggu, dia tunggu beberapa tahun kemudian. Sekarang berlaku pengilhakan, *annexation* pula, *the next stage*. *Annexation*nya itu dibuat secara 30 peratus terlebih dahulu. Apa yang akan menghalang dia 30 tahun daripada sekarang mengambil 100 peratus? Inilah cara orang-orang Zionis. Saya sebut Zionis kerana kita bukan ada apa-apa masalah dengan Yahudi, kita anti Zionis iaitu implisme untuk menguasai tanah-tanah yang dikatakan bukti yang paling kuat ialah dia kata dalam Al-Quran, dalam *Bible* ini semua tanah hak Yahudi.

Jadi inilah yang digunakan dan kita lihat itu bahawa tidak cukup untuk kita hanya hendak mengutuk Israel tetapi sekutunya, terutama sekali Amerika Syarikat ya. Terus terang dalam apa hal sekalipun kalau ianya melibatkan Israel, mereka menggunakan dia punya kuasa veto di dalam Majlis

Keselamatan untuk menolak apa sahaja, ada kaitan dengan pengutukan terhadap Israel.

Ini yang digunakan di dalam Majlis Keselamatan dan saya percaya iaitu bahawa mereka mendapat galakan apabila Trump selaku Presiden Amerika Syarikat di bawah pentadbirannya, akhirnya menyatakan bahawa mereka mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara kepada negara Israel. Inilah isyarat yang diberikan kepada Israel iaitu bahawa '*kamu buatlah*'. Itu pun beberapa tahun juga selepas itu baru diambil tindakan mengatakan bahawa mereka akan memindahkan kedutaan mereka di Baitulmuqaddis. Inilah ya apabila Trump mengatakan bahawa dia akan memindahkan kedutaannya itu ke Baitulmuqaddis, ini isyarat terakhir kepada Israel bahawa *go ahead, I'm giving you the green light. You can occupy the land.*

Jadi, ini rancangan bukannya satu perkara yang dilakukan *ad hoc*, mengejut tetapi perancangan yang dilakukan walaupun akan makan masa puluhan tahun, mereka tetap bersabar. Kalau mereka nyatakan mengikut Al-Quran kah mengikut *Bible*, mereka telah kehilangan kawasan ini ribuan tahun dahulu, apa sangat kalau 30 tahun lagi untuk menguasai semuanya. Kebimbangan kita ialah kalau dia dah *occupy* ini semua *and next* jadi negara dia, dia tidak berhenti di situ.

Dia akan cari jalan yang lain seperti *Golan Height* tidak ada kena mengena langsung dengan apa ini tetapi dia ambil. Dia akan cari cara lain lagi untuk mengembangkan lagi kawasan Israel ini. Bukan hanya setakat Tebing Barat, hanya setakat Tebing Barat, bukan hanya setakat Lembah Jordan, *Golan Height*, seluruh *Middle East* itu nanti mungkin termasuk Madinah. Mereka merancang untuk mengambil kawasan-kawasan ini sebab iri hatinya mereka kepada Islam dan juga Arab itu tidak ada noktahnya. Mereka akan terus berterusan cari jalan bagaimana untuk melemahkan Islam ini.

Jadi, sebab itu saya menyokong penuh iaitu bahawa tindakan sekeras-kerasnya harus diambil bukan sahaja kepada Israel tetapi juga kepada Amerika Syarikat iaitu dia punya sekutu yang paling kuat menyokong dia dalam apa usaha juga, tidak ada salah langsung Israel ini. Dalam apa hal sekalipun mereka lakukan, tidak ada langsung kesalahan.

Jadi sebab itu saya juga ingin menyatakan bukan hanya setakat kita mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Israel mengilhakan Tebing Barat dan juga *Jordan Valley* tetapi juga terhadap Amerika Syarikat. Tak perlu kita nak rasa bimbang, takut kah apa kah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Hulu Langat, ambil apa tindakan juga. Jangan kita letak rintangan di hadapan kita mengatakan iaitu bahawa kalau kita buat ini, mungkin kita lemah. Jangan. Apa

juga yang kita fikirkan, yang kita boleh buat yang boleh melemahkan mereka, kita lakukan.

Saya selaku Timbalan Pengerusi kepada IPU berjanji di sini, kita akan menghantarkan usul bantahan terhadap tindakan Israel ini dan juga kepada Amerika Syarikat dalam IPU. [Tepuk] Saya rasa Yang Berhormat juga merupakan setiausaha ataupun bendahari. Minta maaf, kita akan hantar. Kita akan ada mesyuarat selepas ini dan kita akan hantar usul mengutuk dan membantah sekeras-kerasnya kepada negara Israel terhadap pengilhakan Lembah Jordan dan juga Tebing Barat. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Sik.

3.15 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tidak lewat untuk saya juga mengucapkan tahniah di atas pelantikan, satu kedudukan yang tinggi di Parlimen kita. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sudah pasti juga terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang di atas usul yang telah dibentangkan untuk petang ini dan sudah pasti juga ia sebagai suatu *solidarity* yang jelas daripada kita, sebuah negara yang kecil tetapi mempunyai hubungan persaudaraan dan kekuatan kepada seluruh rakyat Palestin yang sedang ditindas hari ini.

Usul untuk kita membantah sekeras-kerasnya pengilhakan Wilayah Palestin adalah suatu mesej bahawa kita bersama dengan seluruh masyarakat antarabangsa di Timur dan Barat hari ini, termasuk di Eropah bahawa kita mengecam sekeras-kerasnya apa yang sedang dilakukan oleh rejim Zionis Israel. Apa maksud ilhak ini dan sudah pasti ada yang tersurat dan tersirat.

Kalau dilihat daripada segi bahasanya Tuan Yang di-Pertua, diambil daripada perkataan Arab, *al-hakka* iaitu menyambung, memasukkan atau menghubungkan, ya itulah usaha jahat rejim Zionis Israel untuk menyambung usaha mereka melebarkan satu gerakan imperialis penjajahan kepada keseluruhan tanah Palestin. Bermula perampasan mereka ke atas Baitulmuqaddis Timur pada tahun 1980, disambung lagi penaklukan ke atas Bukit Golan di Syria pada tahun 1981 dan inilah projek yang disebut Gerakan Israel Raya yang hendak menguasai keseluruhan di bumi Palestin, termasuk di negara-negara jiran sehinggalah sebahagian daripada bumi Arab itu sendiri.

Inilah suatu permusuhan yang sedang dilakukan oleh gerakan Zionis kepada kemanusiaan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas apa yang sedang dirancang ini sebahagian daripada usaha Israel untuk menguasai keseluruhan sumber air yang sedang mengairi di Sungai Jordan, yang memberi keperluan asas air ini kepada rakyat-rakyat di sebelah Tebing Barat itu sendiri dan juga di sebelah Jordan. Sejumlah 100,000 warga Syria melarikan diri, 100 buah perkampungan mereka dimusnahkan dan tanah mereka diberi kepada 22,000 penduduk Yahudi ketika mana mereka merampas Bukit Golan di Syria. Kini Israel menguasai 60 peratus air bersih daripada Laut Galilee dan Tebing Barat.

Air disalurkan kepada keperluan penduduk Israel lebih kurang 450,000 orang yang tidak termasuk di Jerusalem Timur untuk mengairi laman rumah dan kolam-kolam mandi mereka. Di ketika ini di mana rakyat Palestin terpaksa berhempas pulas mengorek perigi dan telaga kerana ketika mana mereka ketiadaan air bersih untuk perkampungan dan rumah-rumah mereka. Berbanding dengan 2.2 juta warga Palestin yang kekeringan air untuk kegunaan domestik mereka. Inilah yang telah dilakukan sejak tahun 1967 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas kita melihat apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat dan Yang Berhormat Padang Rengas tadi bahawa apa yang berlaku ini adalah satu gerakan besar Zionis antarabangsa yang mereka mendapat lampu hijau besar daripada pentadbiran Donald Trump di Amerika dan sudah pasti kita menghadapi suatu penentangan yang sangat kuat daripada kononnya kuasa besar dunia.

Namun saya bersetuju dengan Yang Berhormat Padang Rengas tadi, kita jangan berasa takut dan lemah. Jangan berasa kita ini kerdil walaupun kita berada di sebuah negara yang kecil tetapi kita mempunyai suara yang besar, jiwa yang besar untuk kita menyatakan tidak ada lagi suatu penindasan kepada kemanusiaan di Palestin.

■1520

Saya mengikuti beberapa banyak program dan persidangan di peringkat antarabangsa termasuk apa yang sedang disuarakan oleh beberapa pihak di Lebanon, di Syria sendiri, *the right of return to Palestine*. Bagaimana hak rakyat Palestin untuk dikembalikan, mereka dapat kembali ke kampung-kampung halaman mereka. Ada di antara mereka, ibu-ibu ataupun datuk dan nenek yang telah pun menjadi pelarian puluhan tahun di Lebanon dan di negara-negara jiran yang lain. Mereka masih menyimpan kunci rumah mereka untuk pada satu hari nanti mereka kembali pulang ke tanah air mereka. Inilah

semangat yang mereka sedang gerakkan di kalangan anak-anak muda termasuk pemuda-pemuda Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, saya di akhirnya untuk mencadangkan beberapa langkah dan tindakan yang boleh kita ambil di peringkat kita sebagai sebuah negara yang berdaulat, negara yang mempunyai hubungan yang sangat akrab, hubungan diplomatik khususnya dengan pihak berkuasa Palestin itu sendiri sama ada di sebelah Tebing Barat ataupun di Semenanjung Gaza.

Saya mencadangkan untuk kita mengukuhkan hubungan diplomatik ini dengan pihak berkuasa Palestin dengan kita meneruskan apa yang telah dicadangkan oleh pihak Kerajaan Malaysia sebelum ini iaitu kita membuka kedutaan khas Palestin sama ada di Amman, Jordan ataupun di Kaherah, Mesir. Kedua-dua negara ini sangat penting kerana hubungan dari segi geografinya yang sangat dekat dengan kedua-dua wilayah yang sedang dikepung ini.

Kita gunalah guna sama segala kemudahan-kemudahan pegawai-pegawai diplomatik kita yang berada di Amman, Jordan dan di Kaherah, Mesir untuk kita menjadi penghubung langsung dengan kerajaan di Semenanjung Gaza iaitu di kedutaan kita di Kaherah dan hubungan kita dengan pihak berkuasa Palestin (*Palestine authority*) di Tebing Barat melalui kedutaan kita di Amman, Jordan. Jadi saya mencadangkan itu dapat diusahakan dengan sebaiknya oleh pihak Kementerian Luar Negeri.

Kedua, sudah pastilah kita juga melahirkan rasa marah, amarah kita dengan apa yang dilakukan oleh Amerika Syarikat yang menjadi tulang belakang kepada pengilhakan ini. Kita sudah pasti perlu rasa beraninya kita menghantar nota bantahan kita kepada kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur. Dengan jelas kita tidak bersetuju dengan apa yang sedang dilakukan oleh kuasa besar ini.

Ketiga, saya mencadangkan sudah pastilah disebut tadi oleh Yang Berhormat Ledang sendiri bagaimana kita perlu mengukuhkan pengaktifan kita di dalam OIC itu sendiri yang hari ini sangat lemah, yang sangat tidak bermaya, yang menjadi mungkin ejekan, momokan di kalangan masyarakat umat Islam sendiri di atas ketidakprihatinan mereka dan kelemahan mereka dalam mengangkat isu ini untuk diambil satu tindakan yang lebih kuat khususnya untuk kita mengambil tindakan undang-undang yang sudah jelas di dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ia adalah satu pelanggaran hak asasi manusia yang sangat besar. Peranan Malaysia sudah pasti sangat diperlukan lagi untuk menyegarkan kembali peranan OIC itu sendiri dalam membela umat Palestin.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan pengukuhan hubungan di antara rakyat kepada rakyat, rakyat Malaysia dengan rakyat Palestin itu sendiri (*people to people*) dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Hubungan kita langsung kita membantu rakyat Palestin yang hari ini ada sebahagiannya datang ke Malaysia atas mereka ini sebahagiannya adalah pelajar-pelajar ataupun mereka yang menjadi pelarian dan sebagainya. Perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian bahawa mereka adalah sebagai duta di sini dan kita menyatakan hubungan rakyat kepada rakyat itu sangat kuat untuk mengukuhkan hubungan kita kedua-dua negara ini.

Kelima ialah perlu digerakkan sudah pastilah di kalangan rakyat yang luas di sana dengan pelbagai kita masyarakat majmuk ini yang kita sudah bersatu hati sama ada Muslim ataupun non Muslim iaitu dengan kempen yang sedang digerakkan oleh seluruh masyarakat sivil antarabangsa iaitu *boycott divestment* dan *sanctions* (BDS) dengan izin. Kita boikot, lupus dan sekat segala apa yang ada hubungan dengan Israel. Itu adalah satu kuasa yang sangat besar yang dilakukan sendiri oleh negara-negara di Eropah, termasuk negara Venezuela dan sebagainya, negara-negara yang mereka ini bukan negara Islam tetapi mereka sangat sensitif apa yang sedang berlaku penindasan di negara Palestin.

Jadi itulah cadangan dari saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.25 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya pertama-tamanya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Padang Rengas dan Yang Berhormat Sik kerana telah melalui Yang Berhormat Ledang membawa suatu usul yang amat penting berkaitan dengan pengilhakan bumi-bumi Palestin oleh negara jajahan negara Israel ini. Kehadiran dan pembawakan usul ini menandakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat dan Parlimen kita konsisten dan senantiasa memperjuangkan suatu isu besar antarabangsa.

Yang baiknya adalah sesuatu isu yang kita mempunyai kesepakatan yang jelas daripada empat orang Ahli Parlimen yang berucap tadi Tuan Yang

di-Pertua, dua mewakili kerajaan dan dua lagi mewakili pembangkang tetapi kesepakatan pandangan adalah jelas kita lihat daripada ucapan-ucapan mereka tadi. Kita lihat pula kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga menandakan bahawa isu ini adalah isu yang amat-amat dipandang tinggi oleh keseluruhan anggota Parlimen Malaysia kita ini. Jadi, ini adalah suatu perkara yang amat positif untuk masa depan negara kita.

Keduanya, saya boleh sebutkan bahawa pengalaman pertama saya berkhidmat dalam Kementerian Luar Negeri ini sebagai orang kedua dalam struktur kementerian. Apa yang saya dapat lihat kesan dengan amat jelas daripada semua pegawai yang kita mendengar taklimatnya ialah bahawa isu Palestin melawan Israel ini adalah suatu isu yang secara konsisten sebagaimana yang disebutkan tadi daripada awal negara Malaysia ini sendiri, bermula daripada Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan Menteri Luar, pendirian negara kita, pendirian Wisma Putra, pendirian Kerajaan Malaysia adalah amat konsisten dalam membantah tindakan Israel dan memperjuangkan hak kenegaraan untuk negara Palestin kita ini.

Jadi, sebenarnya isu Palestin merupakan satu isu yang sentiasa dekat di hati rakyat Malaysia. Dasar Luar Malaysia berhubung isu Palestin sentiasa konsisten dan kerajaan sentiasa mengutuk sekeras-kerasnya rancangan-rancangan kejam Israel yang mengakibatkan penderitaan kepada rakyat Palestin. Umum diketahui Benjamin Netanyahu, Perdana Menteri Israel telah mengumumkan rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian Tebing Barat. Berikut adalah sedikit sebanyak latar belakang mengenai perkara ini iaitu semasa perjanjian Kerajaan Perpaduan Nasional (*National Unity Government*) Israel di antara Benjamin Netanyahu, Perdana Menteri Israel dengan Benny Gantz Perdana Menteri *alternate* kepada kerajaan mereka pada 20 April 2020 yang lalu.

Kedua-dua pihak bersetuju supaya Benjamin Netanyahu membentangkan usul rancangan mengilhak sebahagian wilayah Tebing Barat kepada Parlimen Israel kena *set* seawal 1 Julai 2020 ini. Selain daripada negara-negara Arab dan OIC, rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian wilayah Tebing Barat turut mendapat tentangan sebagaimana kita dengar tadi juga daripada banyak negara lain, termasuk negara-negara rakan Israel sendiri seperti Australia, Jerman, Perancis dan United Kingdom. Kesatuan Eropah rakan dagang terbesar Israel turut menentang rancangan Israel tersebut dan mengugut untuk melaksanakan sekatan terhadap Israel sekiranya rancangan tersebut dilaksanakan.

Untuk Malaysia pula, selain daripada kita di pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan seperti Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Humanitarian CARE Malaysia Berhad (MyCARE), Pertubuhan Kebudayaan Palestin Malaysia (PCOM), Yayasan Al-Quds Malaysia, BDS Malaysia, *Islamic Renaissance France* turut menyuarakan tentangan terhadap rancangan Israel tersebut.

■1530

Jadi kebulatan pandangan dan sikap kerajaan dan rakyat adalah jelas dalam negara kita dalam kes seperti ini. Rancangan Israel ini turut mendapat pelbagai reaksi Kongres Amerika Syarikat. Sekumpulan anggota Kongres Demokrat yang progresif di Amerika Syarikat telah mendesak pentadbiran Presiden Trump untuk menghalang cadangan Israel untuk mengilhak sebahagian Wilayah Tebing Barat ini daripada diteruskan dan menghentikan bantuan ketenteraan kepada Israel sekiranya rancangan tersebut diteruskan. Mungkin sebab itu Amerika Syarikat sehingga kini masih belum memberikan kata putus kepada Israel untuk meneruskan rancangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sentiasa konsisten dengan dasar luarnya terhadap isu penindasan Israel ke atas rakyat Palestin secara berterusan. Malaysia sejak dahulu lagi mengutuk sekeras-kerasnya pembinaan penempatan haram oleh Israel. Tindakan Parlimen Israel meluluskan pembinaan penempatan haram sememangnya menyalahi undang-undang, sebagaimana kita dengar juga tadi oleh Yang Berhormat, antarabangsa. Khususnya Resolusi 2334 Majlis Keselamatan PBB yang diluluskan pada 23 Disember 2016.

Dalam konteks ini Malaysia melihat rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian Wilayah Tebing Barat adalah sebagai lanjutan kepada pencabulan berterusan Israel ke atas hak-hak Palestin dan penghinaan terhadap undang-undang antarabangsa. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Padang Rengas kita tadi. Ini rancangan yang Israel lakukan dengan cara yang amat sistematik demi kepentingan mereka sahaja selama puluhan tahun lamanya.

Aktiviti penempatan haram Israel ini juga mengancam penyelesaian kepada konflik itu yang seluruh dunia cuba usahakan. Lanjutan daripada isu ini antara perkara yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia kita adalah seperti berikut iaitu:

- (i) Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan pada 22 Mei 2020 bagi mengutuk sekeras-kerasnya

- rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian Wilayah Tebing Barat;
- (ii) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang dengan Presiden Tayyip Erdogan, Presiden Republik Turki mengenai isu ini semasa perbualan telefon pada 28 Mei 2020. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga membangkitkan isu yang sama semasa perbualan telefon dengan Presiden Erdogan pada 1 Jun 2020;
 - (iii) saya sendiri telah mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), *Open-Ended Virtual Extraordinary Meeting* dengan izin, peringkat Menteri-menteri Luar Negeri yang diadakan secara atas talian *virtual* dengan izin, pada 10 Jun 2020 bagi membincangkan rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian Wilayah Tebing Barat ini;
 - (iv) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui satu kenyataan media bertarikh 14 Jun 2020 menzahirkan rasa sangat prihatin dan sokongan baginda kepada rakyat Palestin yang terus dijajah dan ditindas oleh rejim Israel. Seri Paduka Baginda juga menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk mendoakan agar rakyat Palestin dilindungi serta menitahkan agar masjid-masjid dan surau-surau untuk mengadakan solat sunat hajat dan doa selamat. Jadi ini menandakan keseluruhan rakyat negara termasuklah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri mengambil pendirian yang tegas atas isu ini;
 - (v) semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-36 melalui persidangan video pada 20 Jun 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merayu supaya Majlis Keselamatan PBB untuk menentang rancangan Israel untuk mengilhakan Tebing Barat ini; dan
 - (vi) di atas permintaan Kerajaan Palestin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merakamkan satu video pada 2 Julai 2020 yang lalu bagi menyatakan sokongan kepada Kerajaan Palestin menentang keputusan sepihak Israel untuk mengilhak Tebing Barat. Kerajaan Palestin memaklumkan bahawa rakaman tersebut akan disiarkan

bersama-sama dengan video sokongan daripada pemimpin-pemimpin dunia yang lain. Antara pemimpin dunia yang dijemput untuk merakamkan video tersebut adalah mantan Presiden Amerika Syarikat, Jimmy Carter, Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres, Setiausaha Agung Liga Arab, Yang Mulia Abdullah al-Thani bin Al-Husayn serta Presiden Maldives, Ibrahim Mohamed Salih;

Tuan Yang di-Pertua, semasa mesyuarat tergempar Pertubuhan OIC, *Open-Ended Virtual Extraordinary Meeting* dengan izin, peringkat Menteri-menteri Luar Negeri yang diadakan secara atas talian pada 10 Jun 2020, Malaysia dan semua negara anggota OIC yang hadir ke mesyuarat tersebut telah mengulangi sokongan padu yang berterusan terhadap Palestin serta mengutuk dan menolak tindakan kejam Israel untuk mengilhak tanah Palestin di Tebing Barat ini.

Mesyuarat tersebut telah menzahirkan persetujuan sebulat suara semua negara anggota OIC untuk menerima pakai resolusi OIC mengenai ancaman Israel mengilhak sebahagian tanah milik Palestin yang dijajah semenjak 1967 dulu lagi iaitu dalam bahasa Inggerisnya *treats of the Israeli occupation government to annex part of the State of Palestine statutory occupied in 1967* dengan izin. Malaysia berpendirian teguh bahawa penyelesaian terbaik kepada konflik Palestin-Israel hanya boleh dicapai melalui rundingan bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serantau yang berkekalan.

Justeru Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara-negara rakan yang lain untuk memperjuangkan nasib rakyat Palestin dalam pelbagai forum termasuk dua hala dan pelbagai hala. Sukacita saya tegaskan di sini bahawa Malaysia akan sentiasa memainkan peranan yang aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan kepada konflik Palestin-Israel khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka.

Malaysia dengan ini secara teguh akan sentiasa menyatakan bantahan terhadap sikap Israel kepada Palestin tidak kira bagi mereka yang tertindas di Tebing Barat mahupun mereka yang dikepung secara berterusan di Semenanjung Gaza yang mengakibatkan penderitaan dan kesusahan yang berterusan. Malaysia juga akan terus menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengambil tindakan serius bagi mengakhiri pendudukan haram Israel dan menubuhkan negara Palestin yang merdeka.

Saya juga ingin merujuk kepada cadangan-cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya dan Wisma Putra akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya untuk seboleh-bolehnya mengambil cadangan-cadangan ini untuk kita bawa ke peringkat yang atasan ataupun di peringkat antarabangsa. Saya amat mengalu-alukan cadangan supaya Ahli-ahli Parlimen kita terlibat secara aktif bersuara di medan-medan dalam negara dan luar negara untuk membawa isu ini ke perhatian rakyat kita dan ke seluruh dunia.

Sudah tentu Wisma Putra mengiktiraf peranan NGO-NGO yang terlibat dan menganggap peranan mereka adalah amat penting untuk menunjukkan wajah bahawa kita berjuang bukan atas nama kerajaan sahaja tetapi juga bersama-sama dengan rakyat melalui NGO-NGO dalam negara kita ini. Cadangan-cadangan lain yang dibangkitkan adalah amat-amat kita sanjung. Berkaitan dengan cadangan supaya Kedutaan Palestin kita dipindahkan ke Amman Jordan ataupun kekal di Kaherah. Sebagaimana yang kita maklum, kerajaan kita semenjak beberapa tahun yang lalu lagi sudah pun mempunyai dipanggil, *[Disampuk]* bukan duta, dipanggil kita terlibat dan mempunyai bahagian khas tentang Palestin di kedutaan kita di Kaherah.

Kemudian ada cadangan supaya kita wujudkan kedutaan khusus di Amman Jordan. Cadangan ini sedang dalam proses perbincangan dan kita kena memberi dan mengambil kira sikap negara tuan rumah itu iaitu Jordan tentang cadangan balas mereka terhadap cadangan ini. Apa pun kerajaan dan Wisma Putra memutuskan bahawa walaupun tidak ada suatu kedutaan yang khusus tertakluk kepada pendirian kerajaan tuan rumah maka satu, sekali lagi bahagian khas tentang Palestin ini akan diwujudkan lebih besar daripada apa yang sedang berada di Kaherah, kedutaan kita di Kaherah. Itu adalah dalam pertimbangan dan perkiraan Wisma Putra. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 20 Julai 2020.

[Kamar Khas tamat pada pukul 2.43 petang]